



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (17 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **sembilan (9) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak iaitu Daerah Sibu (6), Kuching (2) dan Sri Aman (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,084 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **i. Daerah Sibu: Enam (6) Kes Baharu**

###### **a) Kes Saringan Untuk Ke Luar Negara (1 Kes Baharu - Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,081** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang menjalani saringan COVID-19 untuk kembali bekerja di Papua New Guinea. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 16 Disember 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Sibu untuk rawatan lanjut.

Siasatan lanjut dan pengesahan kontak bagi kes ini sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan kerana telah berada di Sarawak sejak Januari 2020 serta tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

**b) Kes Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Jangkitan COVID-19 (1 Kes Baharu) (Kes Import- B)**

**Kes 1,082** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Johor) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Sibu pada 6 Disember 2020.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pertama sebaik tiba di lapangan terbang Sibu dan keputusan ujian adalah negatif. Kes telah menjalani saringan kedua pada 15 Disember dan keputusan ujian adalah positif COVID-19. Kes mula mengalami gejala batuk dan sakit tekak sejak 14 Disember 2020. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut.

Pengesahan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19.

**c) Kes Saringan Sebelum Masuk Kerja (4 Kes Baharu - Kes Import A)**

**Kes 1,077 hingga 1,080** merupakan perempuan warganegara Indonesia yang menjalani saringan COVID-19 sebelum memulakan kerja di Sibu. Kes-kes ini telah menjalani saringan pertama di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Sibu pada 6 Disember 2020 dan keputusan ujian saringan pertama adalah negatif COVID-19.

Pada 15 Disember 2020, kesemua kes telah menjalani saringan kedua COVID-19 dan keputusan ujian pada 16 Disember 2020 mendapati kes-kes ini adalah positif COVID-19. Kesemua kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.

Siasatan lanjut serta pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Sehingga siasatan lengkap dijalankan, kes-kes ini dikategorikan sebagai kes Import A iaitu kes yang mendapat jangkitan dari luar negara.

## **ii. Daerah Kuching: Dua (2) Kes Baharu**

### **a) Kes Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Jangkitan COVID-19 (1 Kes Baharu : Kes Import-B)**

**Kes 1,083** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Pahang) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 iaitu dari Pahang. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 6 Disember 2020.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pertama pada 6 Disember 2020 dan keputusan ujian pada 7 Disember adalah negatif. Kes telah menjalani saringan kedua pada 16 Disember dan keputusan ujian kedua mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19.

**b) Kes Saringan Orang Kena Tahan (1 Kes Baharu : Kes Import-A)**

**Kes 1,084** merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang telah menjalani saringan COVID-19 pada 16 Disember 2020. Keputusan ujian mendapati kes adalah positif untuk COVID-19 pada hari yang sama. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Berdasarkan siasatan awal, kes merupakan pendatang asing tanpa izin yang telah ditahan oleh Jabatan Imigresen semasa kes ini sedang dalam perjalanan dari Sungai Skrang menuju ke Serian. Kes tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dikesankan. Sehingga siasatan lengkap diperolehi, kes ini dikategorikan sebagai kes import A iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di negara asal kes (Indonesia) berdasarkan sejarah kemasukkan kes ini ke Sarawak.

### **iii. Daerah Sri Aman: Satu (1) Kes Baharu (Kes Import-A)**

**Kes 1,076** merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang merupakan tangkapan oleh Jabatan Imigresen. Kes ini telah menjalani saringan COVID-19 pada 15 Disember 2020 dan keputusan pada hari yang sama mendapati kes adalah positif.

Berdasarkan siasatan awal, kes mempunyai pas perjalanan sosial yang sah. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dikesangkan. Sehingga siasatan lengkap diperolehi, kes ini dikategorikan sebagai kes import A iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di negara asal kes (Indonesia) berdasarkan sejarah kemasukkan kes ini ke Sarawak.

### **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hanya satu (1) kluster yang masih aktif di Sarawak iaitu **Kluster Besi, Kuching** dengan kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.

### **C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.**

**Tiada kes** baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan kekal seramai **1,046** orang atau **96.49%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **19** orang iaitu:

- 12 kes di Hospital Umum Sarawak;
- Enam (6) kes di Hospital Sibu, dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

Hari ini, **42 PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Sibu bertukar status dari Hijau kepada Kuning setelah melaporkan satu (1) kes jangkitan tempatan.** Daerah Serian kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan satu (1) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas dan 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan lima (5) notis kompaun kerana telah melanggar SOP iaitu di Daerah Sarikei (3) dan Kota Samarahan (2).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **811 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (27), MPP (25), DBKU (9), MD Marudi (8), MD Lawas (5), BDA (3), MD Sarikei (3) dan MD Serian (1).

### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini, sebanyak **1,335 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (180), Restoran (281), Kilang (12), Bank (93), Pejabat Kerajaan (32), Penjaja (56), Pasar Tani/Awam (62), Tempat Ibadah (50), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (14) dan lain-lain (519).

Seramai **585 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (277), ATM (33), RELA (134), APM (84), PBT (50), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,597** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**17 DISEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases		1075	Total Cases still in ward	19	1.75%
New Cases		9	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu		199,179	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positve Cases		1084	Total Death Cases	19	1.75%
IR per 100,000 population		35.14	Recovered and discharged cases	1,046	96.49%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	New	Cummulative
Negative	33	9,937		42	11,023
Pending Result	2	2			

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		12	6	1	0	0	19
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	0	0	0	0	0
	Cummulative	873	43	49	79	2	1046
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discraj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	333	0	27	0	25	0	0	2	1	1
2	Sibu	6	130	6	25	0	19	0	0	6	6	1
Jumlah		6	463	6	52	0	44	0	0	8	7	2

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	32	7,468	2	720	0	699	0	12	9	8	0
2	Miri	0	912	0	58	0	57	0	1	0	0	0
3	Lawas	0	29	0	11	0	11	0	0	0	1	0
4	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
5	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
6	Samarahan	2	606	0	116	0	112	0	4	0	0	0
7	Bintulu	0	327	0	50	0	49	0	0	1	1	0
8	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Bau	0	186	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	1	57	1	5	0	3	0	1	1	1	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	1	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>	<b>10,560</b>	<b>3</b>	<b>1,032</b>	<b>0</b>	<b>1,002</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>0</b>

Jumlah Besar	42	11,023	9	1,084	0	1,046	0	19	19	18	2
--------------	----	--------	---	-------	---	-------	---	----	----	----	---

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **71 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **41 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,959 orang**. Manakala seramai **40,639 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 17.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,155)	Hock Lee	52
2		Grand Dormani	55
3		Kuching Park	67
4		Pullman	463
5		Hilton	187
6		Harbour View	259
7		Riverside (Astana Wing)	216
8		Grand Margherita	287
9		Imperial Boulevard	122
10		Tune Hotel	32
11		Dormani Hotel	26
12		Grand Continental	112
13		Meritin	54
14		Longhouse	84
15		Abell	60
16		Lot 10	51
17		Telang Usan	28
18	Miri (1,095)	Mega Hotel	162
19		Somerset	31
20		Imperial Palace	226
21		Eastwood Valley	58
22		Imperial New Wing	97
23		Paragon	58
24		Meritz	216
25		Miri	45
26		Dynasty	121
27		Kenyalang Suite	25
28		Citi Hotel	38
29		Nova	18
30	Bintulu (341)	Wasan Inn	27
31		Fairfield by Marriot	160
32		Kidurong Inn	37
33		Motel Kapok	53
34		Faber Inn	37
35		AA Inn	27
36	Limbang (181)	Purnama	51
37		Seri Malaysia (Lawas)	111
38		Mandarin (Lawas)	19
39	Sibu (92)	Premier	92
40	Samarahan (95)	INFRA	58
41		Kolej Rafflesia, UNIMAS	37
		Jumlah PUS	3,959

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **4 lokasi di Kuching (2), Samarahan (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,086 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 17.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>703</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>424</b>
3	Sibu	TIADA	196
<b>4</b>	<b>Samarahan</b>	<b>1</b>	<b>137</b>
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,086</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **36 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 17.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	BDA	2
5	MCC	14
6	MD Marudi	5
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>